

KENAPA ANDA YANG HARUS SAKIT?

- Sakit merupakan suatu anugerah, nikmat dan mungkin juga suatu ujian sebagai kifarrah untuk menyucikan dosa-dosa anda. Oleh itu, bersyukurlah kerana nyawa anda masih ada. Anda masih dikasihi dan diberikan nikmat untuk bernafas.
- Adakah seseorang yang sihat itu dikasihi oleh Allah SWT? Adakah Allah SWT mengasihi orang-orang yang syirik dan berbuat maksiat kepadaNya? Sepatutnya merekalah yang ditimpakan musibah ini, bukannya anda!
- Adakah Allah SWT membenci Nabi Muhammad SAW sehingga Baginda menempuh pelbagai penyeksaan dan azab sengsara ketika menyampaikan dakwah islamiyah? Jawapannya pasti tidak.
- Sebenarnya Allah SWT memang bersifat Pemurah. Kesihatan bukanlah tanda Allah SWT sayang kepada seseorang. Tetapi orang yang disayangi oleh Allah SWT ialah orang yang sentiasa bersabar apabila ditimpa musibah dan bersyukur apabila memperolehi kenikmatan.

APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN KETIKA SAKIT?

- Bersabar dan ingatlah ia adalah ujian Allah SWT.
- Sentiasa mengingati Allah dengan berzikir.
- Jangan lupa untuk bersolat selagi hayat masih ada.
- Sentiasa berdoa kepada Allah SWT dan pohonlah keampunanNya.
- Jangan mengeluh dan menyesali apa yang berlaku.



PERLUKAH ANDA MENUNAIKAN SOLAT KETIKA SAKIT?

- Ya! Selagi jantung anda masih berdegup, selagi nyawa dikandung badan, selagi itulah anda wajib bersolat.
- Solat adalah tanda hubungan hamba dengan Penciptanya. Tanpa solat, maka putuslah hubungan itu dan bertambah jauhlah rahmat Allah SWT dari anda.

BAGAIMANA MEMBERSIHKAN NAJIS KETIKA SEDANG SAKIT?

- Bersihkan diri anda dari najis sekadar yang termampu.
- Najis yang sukar dibersihkan seperti darah dan nanah yang terdapat pada badan dan pakaian adalah dimaafkan.
- Begitu juga dengan najis yang sentiasa keluar seperti kencing, darah dan nanah. Ia hendaklah dibersihkan dahulu sebelum berwudhu' atau balutlah jika boleh dibalut.
- Jika anda sedang solat dan tetap keluar najis tersebut, itu tetap dimaafkan.

BAGAIMANA DENGAN AURAT DAN KIBLAT UNTUK SOLAT?

- Aurat hendaklah ditutup sekadar yang terdaya dengan menggunakan selimut, tuala, stokin dan sebagainya.
- Hendaklah mengadap kiblat sekadar yang mampu. Jika perlu, alihkan katil ke arah kiblat (sekiranya boleh dialihkan dan mendapat bantuan kakitangan wad).
- Jika tidak mendapat bantuan, hadaplah ke mana sahaja.



DI MANA ANDA BOLEH BERSOLAT KETIKA SAKIT?

- Solatlah di surau wad jika mampu.
- Solatlah di mana-mana sahaja asalkan ianya suci dari najis.
- Memadai jika bersolat di tepi katil jika itu yang termampu. Gunakanlah apa jua alas seperti surat khabar dan kertas asalkan ianya suci dari najis.

BAGAIMANA SOLAT KETIKA SAKIT?

- Jika boleh berdiri, maka berdirilah. Jika tidak mampu, solatlah dengan duduk sama ada di atas kerusi atau katil. Jika masih tidak mampu, solatlah dengan cara mengereng.
- Jika tidak mampu, berbaringlah di atas katil dengan meninggikan sedikit kepala supaya dada menghadap kiblat (jika mampu).
- Jika berbaring, perbuatan ruku' dan sujud hendaklah dengan menundukkan kepala. Isyarat sujud hendaklah lebih rendah dari ruku'.
- Jika tidak boleh menggerakkan kepala, ruku' dan sujud hendaklah dilakukan dengan kelopak mata. Isyarat sujud dengan memejamkan mata mestilah lebih rapat dari ruku' jika mampu.
- Jika tidak terdaya untuk menggerakkan mata, maka solat hendaklah dilakukan dengan isyarat hati.

DOA UNTUK PESAKIT

Baca dan amalkanlah doa berikut (beserta doa-doa sampingan lain) sambil letakkan tangan anda pada anggota yang sakit. Jika anda tidak boleh membaca, mintalah keluarga/ kenalan anda membaca doa ini dengan meletakkan tangan keluarga anda pada tempat yang sakit :

Doa Cepat Sembuh

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ أَنْ يَشْفِيَنِي
شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

Maksudnya : "Aku memohon kepada Allah Yang Maha Agung agar menyembuhkan aku dengan benar-benar sembuh yang tidak menderita sakit lagi".

Doa Mohon Keringanan dan Kemudahan


"Ya Tuhan kami, janganlah Kau hukum kami apabila kami lupa atau tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Kau bebankan kepada kami beban yang besar sebagaimana Kau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Kau pertanggungjawabkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami, ampunilah kami dan rahmatilah kami. Engkaulah sebaik-baik penolong kami maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir".

(Surah al-Baqarah : ayat 286)

TERBITAN
2010



PERLUKAH SOLAT KETIKA SAKIT?



Disediakan oleh :
Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

**SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA**